

Kepentingan Perlindungan Insurans Hayat & Takaful Keluarga dan Penamaan

Cik Sharizad Ghouse



Mengapa Insurans Hayat / Takaful Keluarga Sangat Penting?


Insurans hayat / takaful keluarga = Perlindungan kewangan

Dengan hanya menggunakan 10%
daripada pendapatan bulanan anda...



**Insurans/ Takaful bukan untuk diri sendiri sahaja!
Juga dapat memastikan KELUARGA anda dapat
meneruskan kehidupan seperti biasa...
walaupun anda tiada di sisi mereka!**

Kadar Penembusan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga di Malaysia : 56.1%




1. Kadar penembusan industri adalah kira-kira 56.1% berbanding negara maju yang mencatat 100%.
2. Setelah ditolak jumlah orang yang mempunyai lebih daripada dua polisi/sijil, jumlah peratusan berkurangan menjadi 41%. Ini bermakna setiap 10 rakyat Malaysia hanya 4 orang memiliki Insurans/Takaful.

Kajian Jurang Perlindungan LIAM 2012/2013

Banyak isi rumah di Malaysia **TIDAK** memiliki perlindungan Insurans Hayat/Takaful Keluarga yang mencukupi

Jurang perlindungan purata bagi pencari nafkah yang mempunyai....



**Untuk bertahan selama
5 tahun....**

2 Perkara Yang Kita Pelajari



Hampir **Separuh** Rakyat Malaysia
**TIADA PERLINDUNGAN
INSURANS / TAKAFUL**



Jumlah Perlindungan
TIDAK MENCUKUPI

Bagaimana dengan anda?

**Adakah anda mempunyai perlindungan
Insurans/Takaful yang mencukupi?**



Adakah kita bersedia? Adakah ia mencukupi?



Ini adalah Ali

- 30 tahun
- Berkahwin dan mempunyai 2 orang anak
- Gaji bulanan: RM5,000
- Pencari nafkah tunggal keluarga
- Kehidupan selesa di bandar

Jika Ali sudah tiada,
bagaimana keluarga Ali
akan meneruskan
kehidupan?

Adakah kita bersedia? Adakah ia mencukupi?

Jika sesuatu berlaku kepada Ali semalam dan pada hari ini dia tidak lagi bersama keluarganya...



Apakah akan berlaku kepada keluarga tersayangnya?

Keperluan keluarga

Perbelanjaan Harian

Kereta, rumah, pembiayaan peribadi

Masa Depan Anak-anak (Contoh: Pendidikan)

Pelan Masa Depan Keluarga



Adakah kita bersedia? Adakah ia mencukupi?



Saya tidak mahu membebankan keluarga saya dari segi kewangan apabila saya sudah tiada lagi.

Saya ingin mendapatkan perlindungan Insurans/Takaful untuk keluarga tersayang.

Tetapi sebanyak mana perlindungan hayat yang perlu saya dapatkan?

Ingat kiraan dasar untuk perlindungan asas hayat

10x

Pendapatan Tahunan

Sebagai
Perlindungan
Asas Hayat



Adakah kita bersedia? Adakah ia mencukupi?

Johan berpendapat dia tidak memerlukan perlindungan Insurans/Takaful. Mengapa?

Kerana dia berpendapat aset yang dimilikinya cukup untuk keluarganya



Pendapatan
 bulanan :
 RM6,000+

Kekayaan / Aset Semasa	
Simpanan Bank	RM10,000
EPF/TH/ASB dll.	RM100,000
Jumlah	RM110,000

Komitmen Utama yang Berterusan	
Pinjaman Kereta	RM80,000
Komitmen Yang Lain	RM50,000
Lain-lain	???
Jumlah	RM130,000 + ???



- Tidak cukup untuk keluarganya (kurang dari 10x pendapatan tahunannya)
- Biasanya ia akan mengambil tempoh masa yang lama untuk keluarganya mendapatkan wang itu (Proses pengagihan 2-3 tahun?)
- Adakah wang itu akan digunakan mengikut kehendaknya?



Memperkenalkan Program Baucar Perlindungan Tenang RM75

Perlindungan yang kini lebih bermakna
demi kesejahteraan *#KeluargaMalaysia*



PROGRAM BAUCAR RM75
PERLINDUNGAN
Tenang
MAMPU & MUDAH

Perlindungan yang kini lebih bermakna
demi kesejahteraan *#KeluargaMalaysia*



Perlindungan yang kini lebih bermakna
demi kesejahteraan *#KeluargaMalaysia*



- Inisiatif kerajaan dan industri insurans hayat dan takaful khas buat penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas yang layak untuk menebus Baucar Perlindungan Tenang (PTV) bernilai RM75.
- Boleh digunakan untuk membeli atau memperbaharui polisi atau sijil Perlindungan Tenang sedia ada, bertujuan untuk memanjangkan perlindungan sosial kepada golongan berpendapatan rendah, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022.

Pilihan Insurans / Takaful Yang Berpatutan



Berpatutan

- Sumbangan dari beberapa Ringgit sahaja setiap sebulan
- Pelan yang boleh diperbaharui setiap tahun



Mudah

- Mudah untuk difahami
- Membayar sejumlah wang sekaligus kepada waris apabila berlaku kematian dan/atau TPD



Mudah untuk Mengambil Bahagian

- Dapatkannya secara langsung, dalam talian atau melalui rakan kongsi yang dilantik (ejen, bank, pengendali mudah alih)



Proses Tuntutan Mudah

- Pembayaran pantas bagi tuntutan dokumentasi yang penuh – 5 hari bekerja

Senarai produk

 AIA Starter Plan	 AIA i-Starter Plan	 Allianz Kampungku	 Allianz PerlindunganKu	 AXA Tenang PA	 Protector Guard
 POS PerlindunganKu	 Allianz Kasih Hayat	 POS Tenang	 FWD Kasih	 EasyCare Plus	 MikroSayang
 HLA Stackable	 Life Protector	 HLM Takaful Tenang & Tenang 75	 Liberty Tenang	 Merchantrade Insure - Life	 MyTenang
 Mini PA	 Tenang Hospital Income	 BSN Takaful Sakinah	 Lindungi	 Go Life	 Takaful myTenang Care
 Agro Mabru-i	 IKHLAS Perlindungan Tenang	 TokioMarine E-ssential Tenang	 TokioMarine TenangCare	 Tenang PA Care	



Nota: Di atas adalah beberapa contoh pengendali dan produk mereka. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan produk dalam talian yang ditawarkan oleh Pengendali Takaful lain melalui laman web korporat pengendali tersebut.

Dapatkan maklumat lanjut di MyCoverage

Layari: www.mycoverage.my



The screenshot shows the MyCoverage website homepage. At the top, there is a navigation bar with links: HOME, PRODUCTS, CALCULATOR, MEMBERS, SERVICE GUIDE, COMMUNITY, FAQ, CONTACT US, and language options BM | ENG. The main header features the MyCoverage logo and a large image of a family (a man, a woman, and a child) holding a blue umbrella. Below the image, the text reads "LIFE INSURANCE/ TAKAFUL MADE EASY". A sub-header states: "MyCoverage is a handy guide and resource to answer many of the insurance and Takaful related questions you may have." Below this, there is a section titled "MY CALCULATOR" with a sub-header "Work out how much life insurance/family takaful you and your family may need with our calculator. Simply enter your income, expenses, savings and current coverage and we will calculate your ideal coverage and any protection gap." At the bottom, there is a section titled "Select your coverage" with three options: Term Coverage (represented by a shield with an umbrella icon), Critical Illness Coverage (represented by a shield with a plus sign icon), and Annual Medical Coverage (represented by a shield with a clock icon).

MyCoverage:

- Menyediakan **maklumat yang berguna** untuk membantu anda mengetahui lebih lanjut mengenai insurans dan membuat keputusan untuk memenuhi keperluan perlindungan anda.
- Terdapat **kalkulator insurans** dan jawapan kepada soalan lazim (FAQ).
- Panduan dan sumber perkhidmatan yang berguna untuk menjawab soalan-soalan berkaitan dengan insurans dan takaful.

Inisiatif bersama oleh:



Mengapa Membuat Penamaan Insurans Hayat / Takaful Keluarga sangat penting?


Aset Dibekukan Selepas Kematian. Apakah Yang Berlaku Kepada Keluarga?

Selain bersedih, ahli keluarga perlu menyelesaikan perkara-perkara berikut:


Urusan Pengebumian



Melangsaikan Hutang



Melaksanakan Wasiat



**Melaksanakan Faraid atau
Pengagihan Harta Pusaka**

ORANG YANG DISAYANGI HANYA AKAN MENERIMA HARTA PADA PERINGKAT SETERUSNYA (JIKA ADA)

Bolehkah Ini Berlaku?



Penama Insurans/Takaful boleh menerima manfaat dengan pantas.
Bagi Takaful, pembayaran manfaat melalui pilihan Hibah boleh dilakukan
di mana penama menerima wang sebagai penerima manfaat (tidak tertakluk kepada Faraid).

Jangan Lupa Untuk Membuat Penamaan Anda!

Semua yang Anda Perlu Tahu
Tentang Penamaan Insurans Hayat/ Takaful

Apakah itu penamaan?
Hak yang diberikan kepada pemegang polisi/sijil untuk melantik seseorang untuk menerima manfaat polisi/sijil apabila anda meninggal dunia

Mengapakah ianya penting?

- Melindungi kepentingan orang yang tersayang.
- Memudahkan proses tuntutan yang mungkin boleh mengambil masa beberapa tahun dan memastikan manfaat insurans/ Takaful anda dapat diberikan dengan lebih pantas.

Siapakah yang boleh saya namakan?

- Anda boleh menamakan sesiapa sahaja selain daripada diri sendiri untuk menerima manfaat polisi/sijil apabila anda meninggal dunia.
- Anda perlu memastikan bahawa penama mengetahui pelan yang telah anda sertai.

Bilakah saya perlu membuat penamaan?

- Semasa permohonan polisi/ sijil atau pada bila-bila masa, apabila perlu.
- Anda juga boleh mengubah penamaan pada bila-bila masa sepanjang tempoh polisi/ sijil.
- Borang penamaan terkini yang dikemukakan dan dilaksanakan oleh syarikat insurans dan pengendali Takaful akan menggantikan semua penamaan terdahulu, jika ada.



Untuk maklumat lanjut mengenai proses tertentu, sila **hubungi pengendali takaful anda.**

Anda juga boleh membuat **penamaan dalam talian** jika pengendali anda menyediakan perkhidmatan tersebut.

Bagaimana cara membuat penamaan?

- Mengisi borang penamaan yang disediakan oleh syarikat insurans / pengendali takaful anda.
- Borang penamaan ditandatangani oleh saksi yang waras berumur 18 tahun ke atas, dan yang bukan penama anda.
- Nyatakan pecahan yang diagihkan kepada setiap penama.
- Pastikan syarikat insurans / pengendali takaful menyokong penamaan anda



COVID-19

Pandemik yang mengubah dunia

Suatu pengajaran hidup

TERIMA KASIH

Soal Jawab

